

15/09/2002

Pahang minta PM tarik keputusan

KUANTAN: Kerajaan Pahang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menarik semula keputusannya untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Kerajaan Pahang meminta Dr Mahathir bertanding dan menguruskan pilihan raya umum nanti, bersama-sama Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, tenaga Dr Mahathir masih diperlukan kerana beliau masih mendapat sokongan semua lapisan rakyat negara ini.

"Saya harap Dr Mahathir dapat menarik balik keputusannya untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum 2004, selepas cadangannya untuk meletakkan jawatannya pada Oktober tahun depan.

"Dr Mahathir perlu mengadakan perbincangan dengan keluarganya untuk menarik balik keputusan itu jika hasratnya itu sudah diputuskan bersama keluarganya.

"Saya bukan tidak yakin terhadap kemampuan Pak Lah mengendalikan pilihan raya umum itu, tetapi diharapkan biarlah Dr Mahathir bersama-sama dengan Pak Lah mengendalikan urusan pilihan raya berkenaan," katanya mengulas kenyataan Dr Mahathir untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.